

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITMCPP)

E-BULETIN ACIS UITMCPP



LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU

Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTMCPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTMCPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTMCPP.




EDISI
2024



AKTIVITI

PENSYARAH ACIS UITM CAWANGAN PULAU PINANG TERIMA TAULIAH AGAMA ISLAM DARI TIMBALAN KETUA MENTERI PULAU PINANG



Penulis: Ustazah Zaiton binti Din

Pensyarah ACIS UiTMCP

GEORGETOWN, 21 Julai 2023 – Seramai 13 orang pensyarah daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCP) telah menerima Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Majlis penyerahan tauliah tersebut telah diadakan pada 20 Julai 2023, Khamis bertempat di Dewan Syarahan Masjid Negeri Pulau Pinang.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua MAINPP. Majlis tersebut diisi dengan amanat oleh YB Dato' TKM diikuti lafaz ikrar Aku Janji serta tandatangan oleh para penerima tauliah.

TPenganugerahan ini merupakan satu amanah yang bermakna buat semua pensyarah ACIS UiTMCP untuk terus memberikan khidmat bakti dan sumbangan kepada warga kampus khususnya serta masyarakat di Pulau Pinang keseluruhannya.

Sebagaimana yang sedia dimaklumi, kewujudan pihak berkuasa agama di setiap negeri bertanggungjawab untuk menjaga umat Islam di negeri masing-masing terutama dari sudut akidah dan syariah supaya mereka tidak menyimpang dari jalan yang benar. Antara aspek yang menjadi tanggungjawab pihak berkuasa agama ialah memastikan setiap guru atau penceramah yang mengajar dan membimbing masyarakat Islam itu mempunyai tauliah.

Tauliah yang dimaksudkan ialah surat pelantikan atau surat kepercayaan yang diberikan oleh pihak berkuasa agama kepada mereka bagi melaksanakan tanggungjawab berkenaan. Tauliah agama cukup penting bagi memastikan mereka yang diiktiraf sahaja dibenarkan untuk mengajar dan membimbing masyarakat.



Antara objektif penting tauliah mengajar agama adalah bertujuan untuk memastikan bahawa pengajaran agama Islam disampaikan dengan betul, tepat, dan berlandaskan ajaran yang sahih. Selain itu, beberapa objektif tauliah mengajar adalah termasuk:

1. Menjamin kualiti pengajaran dengan memastikan bahawa hanya individu yang berkelayakan dan mempunyai pengetahuan agama yang mendalam dibenarkan untuk mengajar agama Islam.
2. Mengelakkan penyebaran ajaran sesat sekali gus dapat melindungi masyarakat daripada ajaran yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam yang sebenar.
3. Mengawal penyebaran ilmu bagi memastikan penyampaian ilmu agama dilakukan secara berhemah serta mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama.
4. Meningkatkan kefahaman agama dengan membantu meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap ajaran Islam yang sebenar melalui pengajaran yang sistematik dan teratur.
5. Memelihara kesucian agama Islam daripada sebarang bentuk penyalahgunaan atau penyelewengan.

Dengan tauliah ini, Jabatan Agama Islam dapat memantau dan mengawal selia pengajaran agama yang disampaikan kepada masyarakat. Imam Muslim meriwayatkan dalam Muqaddimah kitab Sahih Muslim daripada Muhammad Ibn Sirin bahawa dia berkata:

إِنَّ هَذَا الْعِلْمَ دِيْنٌ فَانْظُرُوهُ عَمَّنْ تَأْخُذُونَ دِيْنُكُمْ

**Maksudnya: “Sesungguhnya ilmu ini adalah agama maka kamu lihatlah daripada siapakah kamu mengambil agama kamu.”
(Muqaddimah Sahih Muslim).**





جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

PENERBIT

Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
CAWANGAN PULAU PINANG
KAMPUS PERMATANG PAUH
13500 PERMATANG PAUH
PULAU PINANG**



[https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder
?view=page&id=95](https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95)



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.